

Wayang kulit gabung tiga kaum

B/H 28/10/12 MS 18

» Budaya Melayu diminati keluarga Cina pegang watak utama kumpulan Sri Cindayu

Oleh Siti Rohana Idris
bhkb@bharian.com.my

► Machang

Minat mendalam terhadap wayang kulit mendorong satu keluarga keturunan Cina menubuhkan kumpulan Sri Cindayu yang terdiri daripada tiga bangsa bagi membuat persembahan di seluruh negara.

Kang Boon Ann, 44, yang juga dikenali sebagai Che Ann, turut melukis dan mengukir watak wayang kulit seperti Pak Dogol, Wak Long, Wak Yoh, Samad, Said, Sri Rama, Laksamana, Siti Dewi dan Hanuman Kera Putih sehingga mendapat perhatian penggemar seni antaranya pelajar, akademi seni dan Muzium Negara.

Tiga ahli keluarganya turut terbabit dalam persembahan wayang kulit dengan isterinya, Eh Tian Eh Awang, 38, sebagai pemukul gong dan dua anaknya Kang Xiau Ren, 15, dan Kang Siew Lie, 18, sebagai pemain muzik latar.

Che Ann mengakui wayang kulit sudah sehati dengannya sejak zaman kanak-kanak lagi apabila sering mengikut nenek ke tempat persembahan wayang kulit di sekitar kampungnya di Kok Lanas.

Pernah dimarahi guru

"Kebanyakan buku latihan saya penuh dengan lukisan watak wayang kulit, malah pernah dimarahi guru kerana leka menconteng buku di dalam kelas," katanya ketika ditemui di bengkel motosikal miliknya, di sini.

Selain dikenali sebagai pelukis dan pengukir watak wayang kulit, Che Ann turut bertindak sebagai tok dalang dalam Sri Cindayu.

"Ditubuhkan empat tahun lalu, Sri Cindayu dianggotai 10 ahli berusia 14 hingga 72 tahun.

"Uniknya kumpulan ini kerana terdiri daripada tiga etnik dan 'Cindayu' sendiri merujuk kepada Cina seramai lima orang, India (seorang) dan Melayu (empat).



Pemain Wayang Kulit, Che Ann dan anaknya, Xiau Ren sedang mengukir watak wayang kulit di bengkel motosikalnya di Kok Lanas.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

"Kumpulan ini sering mendapat undangan persembahan wayang kulit untuk majlis perkahwinan, keagamaan dan hiburan di Kelantan dan negeri lain, selain membuat persembahan di bangsal wayang kulit milik saya di Kampung Bukit Akar, Pasir Puteh dekat sini," katanya yang menekankan elemen komedi dalam se-

tiap persembahan.

Makan malam bersama

Menariknya, setiap kali ada rombongan pelancong luar negara yang ingin menyaksikan persembahan wayang kulit, Che Ann akan menjemput rombongan berkenaan untuk makan malam bersama mengikut cara dan bu-

daya makan masyarakat Melayu iaitu duduk bersila dan menggunakan tangan.

Xiau Ren dan Siew Lie, bertindak sebagai pemain gedup dan pemukul canang. Siew Lie kini menuntut di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam bidang Penu-lisan Kreatif.